

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANCELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 19 JUN 2013**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Timbalan Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,  
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

### **KATA-KATA ALUAN**

Hadirin sekalian,

1. Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya ucapkan kepada staf UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita yang bukan sahaja akan menyihatkan badan malah sebagai medan untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

### **MAKLUMAN STAF KEMBALI KE RAHMATULLAH**

2. Marilah kita mulakan pertemuan kita ini dengan menyedekahkan Al – Fatihah kepada seorang pensyarah kita dari Iraq iaitu Dr. Hayder Khaleel Qurban Ali dari Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Bioproses yang telah kembali ke rahmatullah pada hari Sabtu lepas selepas terlibat dalam kemalangan jalan raya sewaktu keluar berjoging. Jenazah Allahyarham telah pun dihantar pulang ke Iraq untuk disemadikan di sana. Semoga roh Allahyarham ditempatkan dikalangan orang-orang yang beriman di dalam Jannah Allah swt. Amin. Al – Fatihah.

### **MAKLUMAN PROGRAM TELAH BERLANGSUNG**

#### **Seminar Institusi Raja (SIRaj) 2013**

3. Alhamdulillah, hari ini telah genap 14 hari berlalunya Seminar Institusi Raja (SIRaj) 2013 yang telah diadakan buat julung kalinya pada 5 dan 6 Jun 2013 yang lalu di Lanai Kijang Bank Negara Malaysia. Di kesempatan

ini saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penganjuran seminar tersebut. Tahniah diberikan terutamanya kepada **Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia UniMAP (PKIRM)** yang mengambil tanggungjawab melaksanakan Seminar Institusi Raja (SIRaj) 2013 ini.

4. Saya secara peribadi berasa begitu berbangga kerana SIRaj 2013 adalah satu majlis yang sangat berprestij di mana melibatkan perbincangan mengenai Institusi Raja dan dihadiri oleh Raja-Raja Melayu. Walaupun kita tidak dapat menghimpunkan semua Raja-Raja Melayu tetapi keberangkatan sesetengah daripada Duli-Duli Tuanku dan kerabatnya memberikan seribu pengertian buat kita yang menjadi penganjur. Malah kita juga menerima maklum balas positif daripada para peserta yang mengharapkan agar dapat dianjurkan lagi seminar sebegini bagi memberi pemahaman kepada masyarakat luar.
5. Tidak ketinggalan, selama berlangsungnya SIRaj 2013, hampir semua media cetak, elektronik dan media baharu memaparkan berita mengenai SIRaj 2013. Sesuatu yang amat memberangsangkan. Namun semua ini tidak akan terjadi sekiranya, tanpa sokongan dan kerjasama jitu yang ditunjukkan oleh warga UniMAP sekalian. Terima kasih saya ucapkan dan semoga Allah swt memberikan ganjaran yang setimpal atas sumbangan yang telah saudara saudari berikan. In Sha Allah.

### **Pendaftaran Pelajar Diploma UniMAP**

6. Pada tarikh berlangsung SIRaj 2013, kita juga telah menerima 407 pelajar baru Diploma yang mendaftar pada 2 Jun di Kampus Induk UniMAP di Pauh Putra. Syukur Alhamdulillah kerana jumlah pelajar yang memilih UniMAP kali ini semakin meningkat dan tidak menghampakan. Manakala semalam, merupakan sesi kemasukan kedua bagi pelajar Diploma dan seramai 58 pelajar telah datang untuk melaporkan diri. Oleh itu, bagi

kemasukan akademik sesi 2013/2014 bagi pelajar Diploma, kita mempunyai 465 pelajar dengan jumlah pelajar lelaki seramai 314 dan perempuan 151 orang. Terusakan usaha kita bagi memantapkan UniMAP kerana saya percaya bahawa megahnya nama UniMAP diluar sana adalah menjadi faktor kepada pemilihan pelajar untuk datang belajar di UniMAP. Tahniah kepada semua warga UniMAP.

### **Raja Muda Perlis Mahukan Kerjasama Universiti Tempatan Dengan Pendidikan Tinggi Poland**

7. Pada 7 Jun 2013 pula telah berlangsungnya Majlis Minum Petang DiRaja bersama delegasi Kedutaan Poland di Hotel Prince and Residences yang dihadiri oleh Tuanku Canselor dan Pro Canselor UniMAP. Baginda bertitah agar UniMAP dapat menjalankan kerjasama dengan pendidikan tinggi Poland. Oleh itu, saya mohon kerjasama Dekan dan Ketua Jabatan UniMAP untuk mengenalpasti bidang kerjasama yang dapat kita laksanakan bersama universiti di Poland dan juga menghantar staf kita untuk melanjutkan pengajian di sana tidak lama lagi. In Sha Allah.

### **IMiEJS 2013 Berlangsung di Ireland**

8. Pada 11 hingga 13 Jun 2013 yang lalu pula, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Athlone Institute of Technology (AIT), Ireland telah menganjurkan The 3<sup>rd</sup> International Malaysia – Ireland Joint Symposium on Engineering, Science & Business (IMiEJS 2013). Symposium ini merupakan penganjuran giliran antara UniMAP dan AIT di mana yang pertama dianjurkan oleh AIT dua tahun lepas dan UniMAP pula pada tahun lepas. Penganjuran ini sebenarnya adalah untuk merapatkan lagi hubungan kita bersama Ireland dan IMiEJS telahpun menjadi acara tahunan anjuran bersama kedua-dua buah universiti ini.

## **UniMAP Melonjak Ke Tangga 242 Universiti Terbaik Di Asia**

9. Dikesempatan ini, saya ingin berkongsi berita gembira dimana kedudukan UniMAP sebagai universiti di Asia telah melonjak ke kedudukan 242 universiti terbaik Asia berbanding pencapaian di tangga ke 418 pada tahun 2012. Ini adalah berdasarkan laporan oleh QS Ranking Asia 2013 yang diterbitkan baru-baru ini.
10. Kedudukan tersebut sekaligus menjadikan UniMAP sebagai universiti ke-10 terbaik dalam senarai Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. Ini, In Sha Allah akan memberikan impak yang positif kepada sektor pengajian tinggi negara. Berikan tepukan yang gemuruh buat UniMAP. Saya percaya dan yakin bahawa peningkatan 176 kedudukan ini mencerminkan kualiti pengajaran-pembelajaran dan pengantarabangsaan yang ditawarkan oleh UniMAP semakin meningkat dan mendapat pengiktirafan daripada pihak luar. Malah saya juga percaya bahawa peningkatan ketara ini juga adalah merupakan hasil kejayaan penyelidikan yang dilakukan UniMAP selama ini yang telah merangkul pelbagai anugerah dari dalam dan luar negara.
11. Untuk makluman, QS Ranking Asia bertanggungjawab melaksanakan penilaian ke atas institusi pengajian tinggi di Asia berdasarkan beberapa kriteria penilaian meliputi maklum balas majikan, pengajaran-pembelajaran, penyelidikan dan pengantarabangsaan. Harapan saya agar kita dapat meningkatkan lagi kedudukan kita sebagai antara seratus universiti terbaik Asia dan juga memperbaiki kedudukan dalam senarai univerti terbaik di dunia. Mudahan sasaran kita untuk meletakkan diri dalam senarai 500 universiti terbaik dunia menjelang 2020 akan menjadi kenyataan. In Sha Allah.

## **MoA antara UniMAP, Getsol dan UniMAP Holdings**

12. Semalam telah berlangsung Majlis Menandatangani Memorandum Persetujuan (MoA) antara UniMAP, Getsol dan UniMAP Holdings yang diadakan di Auditorium Perpustakaan UniMAP di Pauh Putra. Persetujuan ini dicapai adalah untuk melaksanakan **3.2MW Grid-Connected Solar Photovoltaic Rooftop Power Generation untuk Feed-in Tariff**. Kita akan membina kemudahan untuk sistem PV yang boleh digunakan dalam pembelajaran dan penyelidikan oleh pelajar dan penyelidik kita. Manakala pengalaman dan pembaharuan melalui teknikal yang dimiliki oleh Getsol Sdn. Bhd. boleh membantu UniMAP dalam pembangunan dan latihan staf akademik supaya menjadi sumber manusia yang berdaya saing dan mempunyai kepakaran. Saya percaya kolaborasi antara UniMAP melalui UniMAP Holdings dan Getsol akan menghasilkan kerjasama yang memberangsangkan yang memberi manfaat kepada kedua-duanya.

## **MAKLUMAN PROGRAM AKAN BERLANGSUNG**

### **SUKANUN ke – 8 dan Program Jelajah Promosi SUKANUN 8**

13. Baru-baru ini bersempena dengan penganjuran Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) ke 8, telah diadakan Program Jelajah Promosi SUKANUN 8, anjuran Pusat Kokurikulum UniMAP dan UniMAP Holdings yang melibatkan 400 sukarelawan. Promosi tersebut diadakan bagi mengajak masyarakat Perlis untuk turut serta memeriahkan SUKANUN 8 yang akan berlangsung pada 23 Jun hingga 2 Julai 2013 dengan mempertandingkan 33 acara di serata negeri Perlis dan juga Kedah.

14. Oleh itu, saya juga ingin menyeru kepada semua staf UniMAP dan keluarga untuk turut serta memeriahkan SUKANUN ke – 8 ini. Sebagai tuan rumah, saya berhasrat agar penganjuran SUKANUN ini mencapai matlamatnya dan menjadi sebutan kepada tetamu yang hadir. Kepada atlit-atlit UniMAP yang menyertai SUKANUN pula, teruskan berusaha membanggakan UniMAP. Semestinya saya mensasarkan pingat emas kepada semua acara tetapi saya faham bahawa ianya adalah berat untuk dicapai tetapi adalah tidak mustahil. Namun saya berharap agar semua acara yang kita sertai akan meraih sebarang pingat – tidak kiralah sama ada emas, perak atau pun gangsa. In Sha Allah.
15. Kepada semua yang terlibat dalam SUKANUN, saya berharap saudara saudari akan membanggakan saya dengan layanan, komitmen dan kerjasama sesama kita dan juga kepada tetamu yang datang sepanjang SUKANUN 8 dilangsungkan.

### **PENUTUP**

16. Rasanya tidak perlu untuk saya berucap dengan lebih panjang lagi. Saya sudahi ucapan saya dengan serangkap pantun:-

**SIRaj 2013, berlangsung sudah,  
Seminar berprestij, Institusi Raja,  
SUKANUN 8 pula disusun indah,  
Jadikanlah kejohanan ini, perbualan di meja.**

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.